

21 SEP 1999

Mahathir-Pembangkang

PILIH PEMBANGKANG BERMAKNA SERAH NEGARA KEPADA ORANG ASING

KANGAR, 21 Sept (Bernama) -- Pemberian undi kepada Barisan Alternatif bererti rakyat mengundi untuk menyerahkan negara ini kepada orang asing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata ini kerana barisan pembangkang itu bersetuju untuk menggugurkan kawalan mata wang terpilih sekiranya mereka membentuk kerajaan.

"Ini bermakna mereka (Barisan Alternatif) rela menyerahkan negara ini kepada IMF," katanya pada sidang berita di sini di akhir lawatan dua hari beliau ke Perlis.

Dr Mahathir berkata bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dahulunya mengikut membuta tuli arahan IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa) seperti menaikkan kadar faedah, mengurangkan belanjawan kerajaan dan mengurangkan pinjaman institusi kewangan kepada peminjam.

"Jika mereka mengundi Barisan Alternatif bermakna mereka mengundi untuk menyerahkan negara ini kepada orang asing," katanya.

(Kawalan matawang secara terpilih yang dilaksanakan oleh kerajaan September tahun lepas ekoran kegawatan ekonomi telah terbukti dapat mengatasi masalah itu. IMF, Bank Dunia dan negara-negara lain mengakui keberkesanan kawalan itu dalam memulihkan ekonomi negara.)

Mengulas hasil siri lawatannya ke seluruh negara, Dr Mahathir berkata sambutan yang diterimanya adalah baik dengan ramai menunjukkan sokongan kepada Barisan Nasional.

Perlis merupakan hentian terakhir dalam siri lawatannya ke seluruh negara.

Perdana Menteri berkata beliau akan membuat siri lawatan lagi tetapi tidak intensif seperti siri sekarang.

"Rakyat nampaknya kini menghargai mesej ekonomi dan politik yang saya sampaikan. Mereka kini faham isu-isu tersebut," katanya.

Ditanya sama ada pilihan raya boleh diadakan sekarang, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Kalau nak adakan pilihan raya boleh tapi saya nak tunggu nasihat daripada akhbar,"

"Saya tidak perlu tergesa-gesa. Saya kena buat satu pusingan (lawatan) lagi tetapi tidaklah seintensif pusingan ini," katanya.

Mengenai penangkapan empat aktivis politik bagi membantu siasatan berkaitan rusuhan di ibu negara baru-baru ini, Perdana Menteri berkata soal penangkapan itu bukan suatu isu tetapi undang-undang mesti dihormati.

Beliau berkata undang-undang negara ini tidak mengira sama ada seseorang itu wartawan asing atau perusuh tempatan.

Ketika diminta mengulas ugutan puak anti-kemerdekaan Timor Timur untuk berperang dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sekiranya tidak diserahkan lapan daripada 13 daerah kepada mereka, Dr Mahathir berharap tidak akan berlaku peperangan.

Beliau berkata peperangan tidak akan membawa kebaikan kepada sesiapa.

"Saya tidak pernah terima peperangan sebagai jalan penyelesaian sesuatu masalah," katanya.

Mengenai kedudukan anggota tentera negara ini yang akan menyertai pasukan pengaman PBB di Timor Timur, Perdana Menteri berkata mereka akan hanya menyertai pasukan itu setelah PBB mewujudkan pasukan pengamannya secara rasmi dan sekiranya badan dunia itu bersedia membiayai segala kos mereka.

Beliau berkata pemergian pasukan peninjau seramai 30 pegawai dan

anggota tentera Malaysia ke wilayah itu baru-baru ini adalah atas inisiatif negara ini sendiri.

(Satu batalion tentera Malaysia di antara 800 dan 1,500 orang dilaporkan telah bersiap sedia untuk menyertai pasukan pengaman itu.)

-- BERNAMA

JM NMO